



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA  
**KENYATAAN MEDIA**

**MASJID QARYAH SUNGAI NIBONG BESAR BAKAL BERIMARAH OGOS 2023**

**BAYAN BARU, PULAU PINANG** – Umat Islam di sekitar Parlimen Bayan Baru, Pulau Pinang bakal menerima fasiliti baharu iaitu sebuah masjid yang dinamakan Masjid Qaryah yang dibina di Sungai Nibong Besar dan dijangka dapat mula diimarahkan atau beroperasi bermula Ogos 2023.

Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi telah meninjau kerja-kerja akhir projek ini bagi memastikan ia dapat diserahkan kepada pelanggan projek iaitu Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pulau Pinang, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri. Pegawai Penguasa projek ialah Pengarah JKR Negeri Pulau Pinang manakala Wakil Pegawai Penguasa ialah Jurutera Daerah JKR Daerah Timur Laut.

Masjid berkeluasan 1336 meter persegi ini mampu memuatkan seramai 1050 orang jemaah dan turut dilengkapi ruang pejabat, Bilik Imam, Bilik Jenazah, tandas serta tempat wuduk Jemaah lelaki dan wanita.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**27 JULAI 2023**

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

🌐 [WWW.KKR.GOV.MY](http://WWW.KKR.GOV.MY) ✉ [PRO@KKR.GOV.MY](mailto:PRO@KKR.GOV.MY) 📘 KEMENTERIAN KERJA RAYA 📺 KKR\_MALAYSIA 📺 @MOWORKS 📺 KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur